

63

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 4 APRIL 2018

RUJUKAN : 10725

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan terkini mengenai siasatan dan dakwaan yang telah dibuat terhadap individu-individu yang terlibat dalam kes penipuan urusan pertukaran tanah milik FELDA bernilai RM270 juta di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menyiasat berkait Repot THSL 36636/ 2017 dan THSL 38223/2017 berkaitan isu pindah milik tanah FELDA di Jalan Semarak, Kuala Lumpur dan kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaaan (Penipuan).

Sehingga kini, seramai 15 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan bagi membantu siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara pada 24 Januari 2018 dan dikembalikan semula pada 26 Januari 2018 dengan beberapa arahan diberikan untuk diambil tindakan oleh PDRM. Kementerian tidak dapat mendedahkan maklumat lanjut berkaitan perkara ini kerana masih dalam siasatan pihak polis.